

"SAYA tidak nafikan walaupun nampak seperti ada keburukan menerusi nikah itu (iaitu cerai) besar tetapi kalau kita buat sesuatu mengikut lunas-lunas Islam, kita tidak perlu rasa bimbang sebab kita buat sesuatu yang Allah izinkan.

"Tapi saya percaya ibu bapa akan rasa lega kerana ada ikatan yang halal dan sebagai ibu bapa, kita kenalah sering berdoa tetapi kalau tidak menjadi (bercerai), kita kena reda," kata Dr. Saedah.

Mengulas lanjut, Dr. Saedah berkata, nikah *khitbah* merupakan satu amalan dalam Islam yang cukup sesuai dengan suasana gaya hidup masyarakat umum hari ini.

Beliau berkata, gaya hidup masyarakat hari ini telah memberi lebih banyak kebebasan kepada anak-anak remaja, khususnya perempuan untuk keluar dari rumah, sama ada untuk bekerja atau belajar.

"Dengan kata lain, gaya hidup hari ini telah menyebabkan ibu bapa sukar untuk mengawal tingkah laku atau pergerakan anak-anak remaja, khususnya perempuan.

"Kita tidak tahu apa yang dia (anak) lakukan di tempat kerja atau kolej. Jika mereka bercinta, adakah pergaulan mereka menepati nilai-nilai Islam atau bagaimana pula pergaulan mereka dengan rakan sekerja," katanya.

Atas sebab itulah, beliau turun menyokong serta menyarankan agar ibu bapa meneliti falsafah nikah *khitbah* itu sebagai satu usaha untuk menyelamatkan anak-anak mereka daripada terjerumus dalam maksiat.

Malah, tambahnya lagi, saranan itu juga akan membolehkan ibu bapa merasa lega kerana wujudnya ikatan nikah yang dihalalkan oleh agama Islam sendiri.

"Mereka lebih terdedah untuk memenuhi nafsu masing-masing dan syaitan pula akan berusaha supaya manusia lupa batasan-batasan agama dalam hubungan mereka itu.

"Jadi, ibu bapa yang ada pengetahuan agama, sudah pasti mereka tidak mahu anak terlibat dengan dosa, maka merelakan anak nikah *khitbah* adalah jauh lebih bijak kerana hubungan mereka adalah halal sebelum disatukan secara rasmi dalam persandingan selepas itu," katanya.

AKTIVITI
yang melibatkan
percampuran bebas
antara lelaki dan
perempuan perlulah
diawasi agar tidak
timbul fitnah.
-Gambar hiasan

Satu amalan Islam yang mulia

Apa lagi dalam suasana gaya hidup masyarakat Islam yang semakin moden

Oleh HASHNAN ABDULLAH

Gambar GHAZALI BASRI

SETIAP perkahwinan ada risiko untuk bercerai. Antara penyebab yang paling popular diberikan ialah sudah tidak ada persefahaman antara suami dan isteri dalam melayari bahtera perkahwinan.

Walaupun bercerai atau jatuh talak tidak disukai dan Rasulullah SAW, namun baginda ada bersabda yang bermaksud: "Perbuatan halal yang dimurkai oleh Allah ialah talak." (riwayat Abu Daud dan Hakim) tetapi ia merupakan takdir dalam kehidupan manusia.

Sebagai makhluk Allah SWT, kita perlu bersikap terbuka dengan takdir itu. Mungkin ada hikmah di sebaliknya sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: *Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak*

hijmengetahui. (al-Baqarah: 216)

Atas sebab itulah, pakar kaunseling keluarga dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Dr. Saedah Abdul Ghani tidak menolak kemungkinan risiko cerai itu ada sekalipun di dalam nikah *khitbah* atau nikah gantung.

"Apabila bercerai, perempuan itu mendapat status janda dan bila keadaan itu, peluang untuk dapat suami lain agak sukar dan tambahan pula jumlah lelaki lebih kecil berbanding perempuan.

"Semua itu adalah ketentuan Allah SWT dan kita sebagai makhluk-Nya perlu menerimanya dengan hati dan fikiran yang terbuka kerana mungkin ada

hikmah di sebaliknya," katanya ketika ditemui di pejabatnya di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Begitu pun, ibu bapa tidak sepatutnya memikirkan persoalan itu apabila anak remaja yang masih belajar atau baharu bekerja mahu melaksanakan nikah tersebut dengan pasangan yang dicintainya itu.

Ini kerana, nikah tersebut akan mengelakkan anak-anak remaja mereka itu daripada terjebak dengan maksiat atau lebih teruk lagi, terlanjur dengan pasangan masing-masing.

Nikah tersebut akan mengelakkan anak-anak remaja mereka itu daripada terjebak dengan maksiat atau lebih teruk lagi, terlanjur dengan pasangan masing-masing

DR. SAEDAH
ABDUL GHANI